

**TEKS UCAPAN
PENASIHAT KHAS MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA
ENCIK WAN SAIFUL WAN JAN**

**MAJLIS PERASMIAN
PERSIDANGAN PROGRAM SEKOLAH AMANAH
30 JULAI 2018 (ISNIN)
HOTEL RIVERSIDE MAJESTIC, KUCHING**

**TEMA:
“TRANSFORMASI MELANGKAUI SEMPADAN”**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Yang dihormati Saudara / Saudari Pengacara Majlis,
(...senarai SALUTASI....)

Sidang hadirin yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan berkat limpah kurnia dan izinNya kita dapat bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perasmian Persidangan Program Sekolah Amanah Tahun 2018 pada pagi ini. Bagi mereka yang mengenali saya sebelum ini, saya rasa bukanlah satu rahsia bahawa topik Sekolah Amanah adalah satu topik yang dekat dihati saya.

2. Sebagai individu yang diamanahkan, bagi pihak Jawatankuasa Manifesto Pakatan Harapan, untuk mengarang Manifesto Buku Harapan yang menjadi panduan kepada kerajaan Pakatan Harapan hari ini, saya memang sengaja usahakan agar topik Sekolah Amanah dimasukkan secara spesifik dalam Janji 49 Buku Harapan.

3. Semasa menulis, saya sangkakan bahawa peranan saya hanya akan tamat setakat mengarang manifesto sahaja. Tetapi alhamdulillah dengan kuasa Allah kini saya diamanahkan untuk duduk di Kementerian Pendidikan, dan janji-janji yang saya tulis dalam Buku Harapan yang berkaitan dengan pendidikan tiba-tiba kini menjadi tanggungjawab saya pula untuk membantu dalam melaksanakannya. Ini adalah perkara yang tidak saya jangka, tetapi itulah juga sedikit anekdot sejarah, yang membawa saya ke persidangan kita pada hari ini.

4. Sebelum saya pergi lebih lanjut, saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur atas usaha menganjurkan Persidangan Program Sekolah Amanah buat kali yang ke-6 bertemakan “Transformasi Melangkaui Sempadan (*Transformation Beyond Borders*)”.

5. Tema ini amat bertepatan dengan pengisian persidangan yang akan berlangsung sepanjang tiga hari ini dengan perancangan program yang pelbagai, termasuklah sesi perkongsian ilmu oleh pakar pendidikan negara Finland, program murid yang berfokuskan kepada kepimpinan, dan lain-lain lagi agenda yang telah diatitkan.

6. Persidangan seperti ini seharusnya dapat memberi inspirasi kepada warga pendidik dalam merealisasikan agenda kerajaan untuk menjadikan sekolah-sekolah kerajaan sebagai sekolah pilhan utama ibu bapa.

7. Perkongsian pintar antara sektor kerajaan dengan sektor swasta amat diperlukan bagi meningkatkan kualiti penyampaian pendidikan, merealisasikan misi pendidikan nasional, dan jangan dilupakan juga untuk memastikan perbelanjaan kerajaan yang begitu besar dalam bidang pendidikan dapat dioptimakan manfaatnya.

8. Justeru, persidangan ini boleh dijadikan platform untuk memberi pendedahan kepada pihak yang berminat untuk menawarkan organisasi mereka sebagai penaja Program Sekolah Amanah. Saya amat berharap bahawa dengan pencapaian yang ditunjukkan oleh sekolah-sekolah dalam program Sekolah Amanah ini, lebih banyak pihak sama ada syarikat atau individu akan menunjukkan minat untuk turut serta bekerjasama dengan Kementerian dalam membantu inisiatif transformasi ini.

9. Malahan, saya juga berharap akan wujud lebih banyak lagi pihak yang akan bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan untuk mempelbagaikan model Sekolah Amanah dan juga membantu malahan bersaing dengan mereka yang menjalankan Sekolah Amanah hari ini, agar akhirnya para pelajar dan ibu bapa dapat menikmati faedah daripada persaingan yang sihat antara *“providers of services”* Sekolah Amanah ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Program Sekolah Amanah yang pada masa ini berjumlah 83 buah sekolah dan melibatkan 10 buah JPN, dengan menggunakan pendekatan *“whole school improvement”* sebagai strategi perubahan pendidikan. Program Sekolah Amanah hari ini mengaplikasikan amalan

terbaik dalam pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP). Ia adalah satu usaha ke arah melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran murid yang aktif lagi bermakna. Untuk mewujudkan senario ini, sekolah memerlukan kepimpinan yang berkualiti serta berwawasan, guru yang kompeten dan mempunyai aspirasi tinggi, dan komitmen ibu bapa dan komuniti yang padu.

11. Selain daripada itu, sebarang perubahan dalam pendidikan tidak boleh dilihat hanya dalam perspektif persekitaran organisasi yang terlibat sahaja. Setiap subsistem dalam sistem pendidikan juga perlu mengambil tanggungjawab dan memulakan perubahan gaya fikir dan amalan yang dipraktikkan. Ini bermaksud gaya fikir pengurusan tertinggi dalam Kementerian, Bahagian-Bahagian dalam Kementerian, JPN, PPD, guru-guru, ibu bapa dan juga pelajar mestilah dihalakan ke arah perubahan yang kita kehendaki. Sekolah hanya boleh menjadi lebih baik sekiranya seluruh ekosistem itu membantu sekolah menjadi lebih baik.

12. Program Sekolah Amanah ini juga merupakan salah satu usaha untuk merapatkan jurang yang wujud dalam masyarakat. Ia menambah baik jaringan pentadbiran antara sekolah primer dengan sekolah yang kurang berkemampuan, serta juga merangsang guru untuk lebih berinovatif untuk membawa pembaikan. Malah saya difahamkan program ini turut mahu mewujudkan *ripple effect* contohnya seperti yang berlaku di negeri Johor, di mana pengetua dan guru besar Sekolah Amanah kohort pertama yang telah berpindah ke sekolah lain menggunakan pendekatan Program Sekolah Amanah di sekolah baharu di mana mereka ditempatkan.

13. Saya berpandangan bahawa konsep modal insan yang diterapkan dalam program ini mampu diaplikasikan di semua sekolah bagi memastikan kemenjadian murid yang holistik, berkebolehan, berkualiti, berwibawa tinggi, berintegriti dan berpegang kepada nilai-nilai moral yang kukuh serta dapat melahirkan pemimpin di semua peringkat dan lapisan masyarakat.

14. Pendidikan di Malaysia mestilah boleh menjadi pencetus kreativiti dan penjana inovasi generasi muda. Kerajaan mahukan supaya sistem pendidikan kita mampu melengkapkan setiap murid dengan kemahiran baharu yang diperlukan untuk merebut peluang pada peringkat serantau dan juga global. Sistem pembelajaran dalam pendidikan abad ke-21 amat menuntut penglibatan pelbagai pihak di luar lingkungan sekolah tanpa mengetepikan atau mengurangkan peranan sekolah dan guru.

15. Oleh itu, saya ingin menggalakkan pihak pentadbir sekolah untuk memainkan peranan yang lebih drastik dan berani bagi mewujudkan satu budaya baru yang lebih positif demi kebaikan pelajar. Penglibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta dalam pendidikan perlu diperluas untuk menjayakan pembangunan pendidikan di Malaysia memandangkan mereka semua merupakan pelengkap, pengukuh dan pencepat (*accelerator*) kepada kemajuan pendidikan sesebuah negara.

16. Saya amat berharap agar kerjasama awam dan swasta seperti ini dapat diteruskan dan dijadikan panduan ke arah pendidikan yang lebih berkualiti serta penjanaan generasi yang lebih mantap demi pembangunan pendidikan negara. Kita perlu segera menghapuskan pemikiran lapuk yang mungkin masih dipegang oleh mereka yang gagal

menyedari bahawa negara kita telah berubah, yang merasakan bahawa hanya kerajaan sahaja mempunyai tanggungjawab dalam sektor pendidikan. Hakikatnya, semua pihak, baik kerajaan, mahupun pihak swasta atau masyarakat, semuanya mempunyai peranan. Kerajaan bukan sahaja menjalankan pendidikan, tetapi wajib juga tidak memonopoli, malahan membuka ruang agar pihak-pihak lain juga boleh membantu dalam menjalankan pendidikan.

17. Saya yakin dengan peluang yang akan diberikan oleh kerajaan, pihak swasta boleh melibatkan diri secara aktif dalam penyampaian pendidikan di seluruh negara. Era baru ini perlu menjadi sebuah era yang benar-benar membolehkan semua pihak yang berkemampuan sama-sama menjalankan usaha mendidik anak bangsa kita.

18. Bagi mewujudkan kerjasama awam dan swasta yang mapan, satu pembaharuan diperlukan dalam pelaksanaan dasar dan pengurusan pendidikan negara agar dapat memenuhi keperluan pihak swasta di samping memastikan agenda pendidikan kebangsaan dapat diperkukuhkan. Kunci utama kepada kelangsungan kerjasama awam dan swasta yang mapan ialah kesediaan kedua-dua pihak untuk bersikap responsif kepada perubahan dan pembaharuan.

19. Pihak swasta perlu anjal dalam memikirkan bagaimana mereka boleh membantu dalam penyampaian pendidikan ditempat-tempat yang mungkin tidak semewah bandar-bandar besar. Dan pegawai-pegawai dalam Kementerian juga perlu segera mengubah sikap dan menyedari bahawa kita memerlukan semua pihak Bersama-sama dengan kita dalam misi mendidik anak bangsa ini.

20. Sehubungan dengan itu, saya menyeru badan-badan swasta yang lain agar menyahut saranan Kerajaan untuk turut terlibat dalam penghasilan impak berganda pembangunan pendidikan di negara kita. Satu langkah segera yang boleh dijalankan ialah dengan memberi sumbangan kepada program Sekolah Amanah yang sedia ada. Tetapi dalam jangka masa panjang, inilah juga peluang untuk pihak swasta memberi idea idea baru bagaimana kita boleh membuat lonjakan dalam model Sekolah Amanah kita, termasuklah dengan mencadangkan model baru yang mungkin boleh kita terokai. Alangkah baiknya jika kita ada kepelbagaian model agar bebanan harapan yang kini terpuad di atas bahu Yayasan AMIR dapat kita sama-sama ringankan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

21. Sebagai penutup, sekali lagi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas komitmen serta kesungguhan yang ditunjukkan oleh semua pihak dalam membentuk kerjasama awam-swasta yang wujud ini, iaitu dalam hal ini Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia dan pihak Yayasan AMIR serta rakan-rakan penaja.

22. Saya juga berharap persidangan pada kali ini yang disertai oleh lebih 700 peserta, merangkumi barisan pengetua/guru besar, guru-guru murid, pegawai JPN, PPD dan wakil-wakil penaja ini, merupakan salah satu wadah bagi menggembeling idea dan tenaga pelbagai pihak berkepentingan untuk memenuhi aspirasi sistem pendidikan negara.

23. Saya pasti semua yang hadir ke persidangan Program Sekolah Amanah pada kali ini mempunyai idea dan pengalaman yang baik untuk dikongsi bersama-sama. Saya ingin mengajak hadirin sekalian untuk terus menyokong program Sekolah Amanah bagi menjayakan usaha mereformasi pendidikan negara. Insyaallah, melaluinya model seperti Sekolah Amanah dan juga lain-lain aliran pendidikan dalam negara kita, Malaysia Baru ini akan mampu merealisasikan hasrat Kerajaan untuk melahirkan generasi Malaysia yang inklusif, moderat dan dihormati oleh dunia.

Maka dengan lafaz yang mulia, BISMILLAHIRRAHMAANIRRAHIM, saya merasmikan Persidangan Program Sekolah Amanah Tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

Wan Saiful Wan Jan

Kuching, Sarawak

30 Julai 2018